

# LARIAN AMAL BANTU GOLONGAN MEMERLUKAN

Bagi memperkukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia terutama generasi muda, Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) mengadakan karnival larian amal bagi mengumpul dana bersempena Hari Malaysia, baru-baru ini.

Dalam tahun keenam penganjurannya, acara larian Chariofare IMU bertemakan 'Moment Heartbeating' memberi tumpuan kepada individu untuk memperkukuhkan semangat perpaduan dan bersatu hati tanpa mengira status dan latar belakang.

Bekas pemain badminton negara Wong Choon Han yang menyokong program ini berkata, penganjuran larian Hari Malaysia sangat bermakna kerana ia memberi banyak kebaikan

kepada peserta.

"Saya percaya acara ini akan mewujudkan lebih banyak kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai keperluan untuk berkhidmat kepada golongan kurang bernasib baik. Saya berharap

lebih ramai individu menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Setiap tahun, hasil Chariofare IMU disumbangkan sepenuhnya kepada pelbagai organisasi amal. Pada tahun ini, kira-

kira RM220,000 diserahkan ke bahagian Pengurusan Dana Kemanusiaan IMU yang berkerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) seperti MERCY Malaysia dan Medecins Sans Frontiers bagi menyediakan bantuan perubatan atau

keuangan kepada individu memerlukan.

Menurut Timbalan Naib Canselor Antarabangsa dan Penglibatan IMU, Dr Mei Ling Young, bantuan dan usaha kemanusiaan tidak membezakan latar belakang, bangsa,

sosial atau agama. Malah pendirian kukuh menjadikan perpaduan masyarakat sebuah negara bertambah kuat.

"Pengurusan Dana Kemanusiaan ini menjadi nadi kepada IMU dalam membantu masyarakat terutama golongan kurang bernasib baik. Kami berterima kasih kepada 68 penaja yang bermurah hati memberi sumbangan untuk menjadikan acara ini lebih bermakna," katanya yang mengumumkan sumbangan terkumpul setakat ini bernilai lebih RM500,000.

Acara larian disertai 1,739 peserta berusia lima hingga 72 tahun. Turut diadakan, pelbagai aktiviti menarik seperti pembukaan 85 gerai makanan, minuman serta aktiviti permainan menyeronokkan.



ANTARA peserta larian amal dalam program Chariofare IMU 2017, baru-baru ini.



PELBAGAI gerai jualan dan aktiviti menarik dianjurkan.